

tanggungjawab sekretariat kerja telah diberikan kepada badan standard kebangsaan Brazil (ABNT) dan Sweden (SIS). Pada Oktober 2004, ISO telah mengeluarkan Cadangan Kerja Baru bagi pembangunan standard tanggungjawab sosial SR.

2005

Pada September 2005, Kumpulan Kerja ISO WG SR telah ditubuhkan. Objektifnya adalah untuk menghasilkan dokumen panduan dalam bahasa yang mudah dan boleh difahami serta boleh digunakan oleh golongan bukan pakar. Dokumen tersebut bukan satu spesifikasi yang bertujuan untuk pensijilan pihak ketiga.

Standard tersebut bertujuan untuk meningkatkan nilai dan bukannya menggantikan kewujudan perjanjian antara-kerajaan yang berhubung kait dengan tanggungjawab sosial seperti Deklarasi Sejangat Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dan yang diguna pakai oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Standard tersebut adalah untuk organisasi pelbagai saiz dan di setiap peringkat perkembangan di sesebuah negara.

ISO sedang mengambil tindakan untuk memastikan bahawa standard ini akan memberi manfaat dari segi input yang luas oleh semua pihak yang mempunyai minat yang serius dalam tanggungjawab sosial. Perkara ini sedang dicapai melalui perwakilan yang seimbang daripada enam (6) kategori kumpulan pihak-pihak berkepentingan, iaitu:

- Industri
- Kerajaan
- Pengguna
- Buruh
- Badan Bukan Kerajaan, dan
- Perkhidmatan, sokongan, kajian, dan lain-lain, serta pencalonan yang berasaskan keseimbangan dari segi geografi dan jantina.

Pakar-pakar kumpulan kerja telah dilantik oleh ahli-ahli ISO dan ia termasuk pakar-pakar yang mewakili 6 kategori pihak-pihak berkepentingan, tersebut di atas.

Lima puluh empat buah negara dan 33 buah organisasi dengan status perhubungan terlibat dalam WG SR di bawah gabungan kepimpinan ahli-ahli ISO dari Brazil (ABNT) dan Sweden (SIS).

Penglibatan Malaysia

Melalui penglibatan aktif, Jabatan Standard Malaysia telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ISO dan SR sejak 2001.

Malaysia mempunyai wakil dari STANDARDS MALAYSIA dalam keenam-enam Kumpulan Kerja sebagai pakar ataupun sebagai pemerhati. Wakil-wakil ini juga telah mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan Standard Malaysia serta pembangunan standard antarabangsa.

Semua wakil Malaysia menjadi ahli Kumpulan Kerja (TGs) iaitu:

- TG 1 - Pembiayaan pihak-pihak berkepentingan
- TG 2 - Komunikasi
- TG 3 - Prosedur
- TG 4 - Skop, kandungan Tanggungjawab Sosial, dan prinsip Tanggungjawab Sosial (SR)
- TG 5 - Panduan dalam subjek teras Tanggungjawab Sosial (SR) / isu-isu.
- TG 6 - Panduan untuk organisasi dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial (SR)

Untuk memberi input serta memastikan keprihatinan anda diberikan pertimbangan dalam pembangunan ISO 26000, sila hubungi STANDARDS MALAYSIA di:

+ 603 8318 0002

Encik Hussalmizzar Hussain atau Pn. Norlatifah

Anda boleh menghubungi sekretariat Jawatankuasa Kebangsaan ISO WG SR di (SIRIM Berhad) :
+ 603 55446902 atau emel: khatijah@sirim.my

Anda juga boleh melayari laman web rasmi Malaysia bagi Tanggungjawab Sosial (SR) di
www.standardsusers.org/mysr.html
untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Disediakan oleh:
**Persatuan Pengguna
Pengguna Standard Malaysia**



MOSTI

**STANDARDS
MALAYSIA**

Diterbitkan oleh Jabatan Standard Malaysia
(STANDARDS MALAYSIA)
sebuah agensi di bawah
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

- Adakah anda melaksanakan operasi organisasi dan jabatan/kementerian secara Tanggungjawab Sosial?
- Adakah anda melaksanakan Tanggungjawab Sosial anda?
- Adakah operasi organisasi dan Jabatan / Kementerian anda melaksanakan tanggungjawab sosial?

TANGGUNGJAWAB SOSIAL dan ISO 26000



Apakah itu Tanggungjawab Sosial?

Tanggungjawab sesebuah organisasi terhadap impak kepada masyarakat dan alam sekitar yang disebabkan keputusan dan aktiviti organisasi tersebut.

Mengapa Tanggungjawab Sosial (SR) penting?

Dalam era globalisasi ini, kita bukan sahaja peka terhadap apa yang kita beli, tetapi juga cara bagaimana sesuatu barangan dan perkhidmatan dihasilkan.

Pengeluaran barangan yang berbahaya kepada alam sekitar, penggunaan buruh kanak-kanak, persekitaran di tempat kerja dan keadaan-keadaan lain yang tidak berperikemanusiaan merupakan beberapa isu yang sering dibincangkan secara terbuka pada masa kini.

Semua syarikat dan organisasi yang bertujuan untuk mendapatkan keuntungan dan keyakinan jangka masa panjang mula menyedari bahawa mereka perlu bertindak seiringan dengan nilai-nilai yang baik dan buruk.

Justeru, Tanggungjawab Sosial (SR) lazimnya merangkumi perkara seperti berikut:

- Sebuah prinsip yang diamalkan oleh sesebuah organisasi, individu, organisasi kerajaan dan bukan kerajaan yang prihatin terhadap kebajikan masyarakat.
- Ia juga menggabungkan sumbangan secara aktif terhadap kebajikan masyarakat dan bukan hanya sekadar memaksimumkan keuntungan.

Mengapakah ia dirujuk sebagai SR dan bukannya CSR*?

Tanggungjawab Sosial (SR) bukan sahaja digunakan oleh syarikat swasta, tetapi juga oleh badan bukan kerajaan, organisasi kebajikan selain korporat, kerajaan, dan entiti perniagaan yang lain. Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mempunyai fokus yang spesifik dalam membolehkan entiti perniagaan untuk menunjukkan bagaimana mereka beroperasi berdasarkan pertimbangan keperluan pihak-pihak berkepentingan dan masyarakat dalam lingkungan operasi mereka.

Satu tinjauan yang dilakukan oleh Conference Board Inc, Kanada pada tahun 2001, menunjukkan bahawa 42% daripada responden berpendapat bahawa syarikat-syarikat haruslah bertanggungjawab secara keseluruhan atau sebahagiannya dalam membantu untuk menangani masalah sosial.

Apakah faedah kepada perniagaan dan kerajaan jika melibatkan diri dalam Tanggungjawab Sosial (SR)?

Perniagaan

- Meningkatkan nilai kepada pemilik perniagaan / entiti perniagaan serta kepada masyarakat.
- Mengawal risiko operasi, oleh itu mengekalkan nilai dan aktiviti organisasi.
- Membantu sesebuah firma untuk menjadi lebih efisien dari segi kos.
- Menggalakkan hasil pendapatan dengan mendedahkan syarikat kepada idea-idea baru dan cara-cara terbaik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti teras.
- Peraturan sendiri – (*self regulation*).
- Penglibatan dengan komuniti memberikan profil perniagaan yang lebih tinggi; penting kepada sesebuah syarikat yang ingin berkembang.

Kerajaan

- Membina kepercayaan di kalangan masyarakat.
- Menambah kebolehpercayaan.
- Meningkatkan pelaburan asing disebabkan oleh ketelusan dan pentadbiran beretika.
- Memudahkan perniagaan dijalankan dan mengurangkan gejala rasuah.
- Membina ketelusan dalam penguatkuasaan dan pengawasan.
- Mempunyai masa yang lebih untuk memperbaiki kualiti hidup masyarakat terutamanya golongan yang diketepikan.
- Pengurusan yang lebih baik dan efisien terhadap dana dan projek negara
- Nilai kemanusiaan, warisan dan alam sekitar dipelihara dengan lebih baik.

Disebabkan oleh faktor-faktor tersebut serta faktor-faktor yang lain, maka International Organisation for Standardization (ISO) telah memutuskan untuk melancarkan pembangunan standard antarabangsa yang memberi panduan untuk Tanggungjawab Sosial (SR).

Latar belakang Pembangunan Standard untuk Tanggungjawab Sosial (SR)

2001

Terdapat peningkatan di kalangan pengguna yang menyuarakan kebimbangan mereka terhadap integriti sosial operasi syarikat-syarikat di pasaran global. Pada tahun 2001, jawatankuasa Polisi Pengguna ISO (ISO/COPOLCO) telah memulakan kajian tentang standard Tanggungjawab Sosial (SR) dan melancarkan forum untuk mengumpul pandangan pihak-pihak berkepentingan.

2002

Pada Jun 2002, ISO/COPOLCO telah menganjurkan sebuah bengkel, di Trinidad and Tobago Bureau of Standards (TTBS). Bengkel tersebut bertemakan, "Tanggungjawab Sosial Korporat – Konsep dan Penyelesaian". Pada September 2002, ISO/TMB (Lembaga Pengurusan Teknikal ISO) telah melancarkan Kumpulan Penasihat Strategi yang terdiri daripada pihak-pihak berkepentingan untuk meninjau sama ada ISO harus melancarkan pembangunan standard untuk tanggungjawab sosial korporat (CSR).

2003

Pada Februari 2003, Kumpulan Penasihat Strategi yang telah ditubuhkan oleh TMB telah melaporkan hasil kerja mereka dan berpendapat bahawa tanggungjawab sosial bukan sahaja untuk perniagaan korporat malah juga untuk semua jenis organisasi. Justeru, sebarang usaha tanggungjawab sosial ISO haruslah dirujuk tanpa spesifikasi terhadap organisasi swasta / korporat.

2004

Pada April 2004 Kumpulan Penasihat Strategi telah melancarkan laporan menyeluruh dan cadangan terakhir, termasuk pandangan keseluruhan terhadap inisiatif tanggungjawab sosial di seluruh dunia dan mengenal pasti isu-isu yang perlu diberikan perhatian oleh ISO.

Ahli-ahli badan standard kebangsaan ISO telah diminta untuk menghantar pencalonan untuk menggabungkan kepimpinan dan sekretariat kumpulan kerja standard Tanggungjawab Sosial. Gabungan kepimpinan adalah bertujuan untuk menggabungkan negara-negara maju dan negara-negara membangun. Pada September 2004,

* CSR - Tanggungjawab Sosial Korporat